

MODUL ‘BIJAK MENGARANG’ MEMPERTINGKAT KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN

‘BIJAK MENGARANG’ MODULE ENHANCING THE WRITING SKILLS

*Norul Haida Bt Hj Redzuan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris*

ABSTRAK

Modul yang diberi nama ‘Bijak Mengarang’ adalah salah satu daripada bahan rangsangan yang akan menjadi panduan semasa pelajar menulis khususnya dalam bahagian B, iaitu menulis karangan. Modul ini tidak digunakan secara meluas di seluruh negara tetapi adalah inisiatif yang dibuat oleh beberapa orang guru yang melihat keberkesanan teori Behaviouris dan Teori Kognitif. Justeru, dalam kajian ini, pengkaji akan melihat keupayaan modul Bijak Mengarang membantu kecemerlangan pelajar menulis karangan khususnya bagi karangan fakta. Sampel kajian terdiri daripada 40 orang murid Tahun 4 Sekolah Kebangsaan Kg. New Zealand, Maran, Pahang mendapat terdapat beberapa masalah timbul semasa murid-murid menulis khususnya dalam soalan kertas 2 dalam bahagian B. Antara masalah yang timbul dan dapat dikesan secara am ialah murid-murid ini mempunyai idea dalam mengupas sesuatu tajuk, tetapi apabila mereka menulis idea yang ingin disampaikan tidak jelas. Selain itu, gaya persembahan mereka menggunakan bahasa pasar dan ayat tergantung. Kajian ini mengemukakan dua objektif, iaitu untuk mengenal pasti kelemahan struktur ayat murid dan menilai keberkesanan penggunaan modul Bijak Mengarang kepada pelajar tahun 4 dari aspek penggunaan bahasa dan penstrukturran ayat. Dapatkan kajian yang diperoleh daripada murid Tahun 4, menunjukkan bahawa mereka bukan tidak mempunyai idea menulis tetapi diganggu oleh penulisan ayat yang adakalanya tersangkut kerana mereka tidak tahu mengembangkan idea selain keterhadan memanipulasikan perkataan menjadi ayat yang gramatis. Kesimpulannya, kajian ini melihat sejauh mana keberkesanan penggunaan modul Bijak Mengarang dalam menghasilkan perubahan positif semasa menulis di peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat universiti.

Kata kunci: kaedah bijak mengarang, kemahiran menulis karangan.

ABSTRACT

The module titled 'Bijak Mengarang' is one of the stimulus materials that will guide students to write in particular in part B, writing essays. This module is not widely used throughout the country but is an initiative made by some teachers who see the effectiveness of Behavioris theory and Cognitive Theory. Hence, in this study, the researcher will see the ability of the Bijak Mengarang module to help students writing essays especially for factual writings. The sample of this study consisted of 40 students of Year 4 of Sekolah Kebangsaan Kg. New Zealand, Maran, Pahang found that there were some problems arising when writing essay especially in paper 2 questions in section B. Among the problems arising and being detected in general are that these pupils have an idea in analyzing a title, but they tend to build ambiguous sentence when writing their idea. In addition, in terms of the presentation style, they use infromal language and incomplete sentences. This study presents two objectives, namely to identify the weaknesses of pupil's sentence structure and to evaluate the effectiveness of using the Bijak Mengarang module to 4th year students in terms of language use and sentence restructuring. The findings from the Year 4 students showed that they have the idea of writing but were disturbed by the writing of the verse which sometimes occurred because they did not know how to develop ideas other than the ability to manipulate words into grammatical sentences. In conclusion, this study looks the effectiveness of using the Bijak Mengarang module in producing positive changes in writing at primary level until university level.

Keywords: Bijak Mengarang method, writing skills

PENGENALAN

Kemahiran bahasa meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Dalam kemahiran menulis, intipati yang digariskan ialah keupayaan murid mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkait dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui dengan menggunakan ayat gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul serta tulisan yang jelas dan kemas. Dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (KBSR) secara terperinci ada menekankan aspek kemahiran bahasa yang harus diajarkan kepada murid. Selain itu, murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan ilmu dan imaginatif.

Aspek penstrukturran ayat dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSR dinyatakan secara tersurat di bawah sistem bahasa, iaitu tatabahasa. Aspek ini diletakkan pada bahagian sintaksis, iaitu kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Tumpuan tersebut merangkumi unsur utama ayat, jenis ayat, ragam ayat, susunan ayat, binaan ayat, proses penerbitan ayat dan aspek tanda baca. Selain itu, aspek gaya bahasa turut dijelaskan dalam bahagian nilai estetika.

KONSEP FALSAFAH PENDIDIKAN

Memberi panduan kepada sesebuah sistem pendidikan untuk menetapkan matlamat, jenis sistem pendidikan, jenis kurikulum, kaedah-kaedah pengajaran serta peranan guru di sekolah.

Pada amnya, falsafah adalah diklasifikasikan kepada empat cabang atau bidang kajian, iaitu:

1. Metafizik yang berkaitan dengan kajian realiti seperti kewujudan alam, roh dan kehidupan.
2. Epistemologi yang berkaitan dengan kajian ilmu yang sering ditanya.
3. Aksiologi yang berkaitan dengan kajian nilai etika (tingkah laku seseorang) dan estetika (menilai kecantikan dan seni)
4. Logik yang berkaitan dengan penaakulan.

Penyataan Masalah

Setiap kali guru-guru memeriksa karangan, didapati hanya segelintir pelajar yang menulis dengan baik. Sebilangan lagi menulis tanpa arah dan tersangkut-sangkut. Maka, markah yang kerap diperoleh golongan ini juga hanya sekitar kategori sederhana. Tinjauan awal yang dilakukan oleh penyelidik terhadap pelajar-pelajar tahun 4 SK Kg New Zealand, Maran, Pahang mendapati terdapat beberapa masalah timbul semasa pelajar-pelajar menulis khususnya dalam menjawab soalan kertas 2 dalam bahagian B. Antara masalah yang timbul dan dapat dikesan secara am ialah pelajar-pelajar ini mempunyai idea dalam mengupas sesuatu tajuk, tetapi apabila mereka menulis idea yang ingin disampaikan tidak jelas. Selain itu, gaya persembahan mereka menggunakan bahasa pasar dan ayat tergantung. Melalui maklum balas yang diberikan oleh pelajar tahun 4, mereka bukan tidak mempunyai idea menulis tetapi digangu oleh penulisan ayat yang adakalanya tersangkut kerana mereka tidak tahu mengembangkan idea selain terhad untuk memanipulasikan perkataan menjadi ayat yang gramatis.

Hal ini mendorong pengkaji menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti masalah pelajar dalam menulis karangan bagi pelajar Tahun 4. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat sejauh mana keberkesanannya penggunaan modul Bijak Mengarang dalam menghasilkan perubahan positif semasa menulis.

Kepentingan Kajian

Keputusan yang diperoleh diharapkan dapat:

- i. digunakan oleh pelajar dalam mengenal pasti kesilapan yang dilakukan semasa membina ayat.
- ii. membekalkan beberapa maklumat mengenai kebaikan penggunaan modul dalam menghasilkan karangan yang baik.

- iii. pelajar-pelajar dapat mencari panduan terbaik dalam menghasilkan penulisan yang cemerlang dan berkesan.
- iv. membantu guru-guru dan pihak sekolah melaksanakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai bagi meningkatkan keberkesanannya pengajaran penulisan

DEFINISI OPERASIONAL

Struktur Ayat

Ayat menurut Nik Safiah Karim *et.al.*, (1993:414) dalam Ahmad Khair Mohd Nor (2003:3), menyatakan unit pengucapan yang paling tinggi letaknya dalam susunan tatabahasa dan mengandungi makna yang lengkap. Umumnya struktur ayat terdiri daripada subjek dan predikat.

Modul Bijak Mengarang

Bahan pembelajaran yang digunakan mengandungi contoh-contoh karangan cemerlang calon-calon Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun-tahun sebelum ini. Bahan-bahan ini diperoleh daripada guru-guru bahasa Melayu yang menanda kertas Bahasa Melayu UPSR sekitar daerah Maran. Modul ini dinamakan Bijak Mengarang oleh Panitia Bahasa Melayu sekolah yang menjadi tempat kajian, iaitu SK Kg New Zealand. Modul ini adalah sebagai bahan rangsangan kepada pelajar-pelajar dalam mengubah tingkah laku pembelajaran kepada yang lebih baik dalam aspek penstrukturkan ayat serta melihat penggunaan bahasa dalam ayat.

Pelajar

Kajian ini menumpukan kepada pelajar yang berusia 10 tahun, iaitu pelajar tahun 4. Pemilihan pelajar tahun 4 sebagai subjek kajian disebabkan mereka baru melangkah kaki ke tahun empat dan tidak terikat dengan peperiksaan besar. Justeru, pengkaji dapat melihat keputusan peperiksaan akhir tahun pada tahun lepas mereka sebagai penanda aras pencapaian mereka.

SOROTAN LITERATUR

Kajian dalam Negara

Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah dan Teknik ialah tajuk buku yang dijadikan sumber rujukan utama pengkaji dalam menjalankan kajian. Dalam buku ini, ada beberapa bab yang memperkatakan isu penulisan karangan. Buku ini juga turut menjelaskan beberapa teori perkembangan dan pembelajaran serta

implikasinya. Teori-teori yang disentuh oleh Abd. Aziz Abd Talib (2000) ialah Teori Piaget, Teori Chomsky dan Teori Behaviouris.

Subtopik yang dibincangkan adalah berkaitan dengan penulisan karangan dimulai dengan menghuraikan konsep mengarang, kemudian dibincangkan tahap-tahap penulisan, teknik mengajar penyusunan, mengajar pembentukan perenggan dalam karangan, gaya penulisan yang baik, bahan bantuan mengajar penulisan, memeriksa dan menilai karangan dan mengatasi kelemahan mengarang.

Berkaitan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, buku ini mendedahkan kepada pengkaji tentang aspek penulisan yang baik serta kaitannya dengan teori-teori perkembangan dan pembelajaran khususnya dalam aspek kemahiran bahasa dan gaya bahasa. Kedua-dua aspek ini memberikan maklumat berkaitan dengan persoalan kajian. Perkaitan ini dihuraikan dalam setiap perbincangan penulis.

Dalam bahagian permulaan penulisannya, Mahzan Arshad membawa pemikiran kita ke sudut pandangan orang ramai tentang pengajaran penulisan. Pengajaran ini sememangnya mendapat pandangan negatif kerana guru dan pelajar merasakan bahawa aktiviti menulis adalah aktiviti yang amat berat untuk dilaksanakan (Mahzan Arshad, 2008:190). Namun semakin lama buku ini dibaca, semakin banyak ilmu yang diturunkan kepada guru-guru bahasa Melayu khususnya dalam membentuk suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan menarik. Bahagian aspek penulisan dijelaskan secara mendalam adalah dalam subtopik bertajuk Pengajaran Penulisan dalam Pendidikan Literasi Bahasa Melayu.

Jurnal Bahasa ini membicarakan tentang Penggunaan Strategi Membaca dan Menulis oleh Pelajar Cemerlang dan Pelajar Lemah dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian yang dijalankan ini menumpukan kepada perbandingan strategi pembelajaran berkesan (SPB) antara pelajar tahun empat yang cemerlang dan pelajar lemah di salah sebuah sekolah kebangsaan di negara ini. Kajian yang dilakukan menjurus kepada kemahiran membaca dan menulis. Hasil kajian ini menunjukkan pelajar cemerlang bukan sahaja menggunakan strategi yang berkaitan dengan kemahiran membaca secara langsung, bahkan strategi yang tidak berkaitan dengan kemahiran membaca seperti aspek kerohanian. Justeru, didapati dalam kajian, ini walaupun tidak disentuh penggunaan modul secara jelas, namun kaitan kecemerlangan seseorang pelajar dalam kemahiran menulis dipengaruhi oleh adanya bahan rangsangan. SPB dalam elemen adanya rangsangan, menjadi salah satu faktor yang membezakan kecemerlangan dalam penulisan karangan seseorang pelajar dengan pelajar yang lain.

Kajian yang dijalankan oleh Marohaini dan Zulkifli (1997), mendapati penumpuan guru diberikan kepada hasil karangan daripada proses mengarang itu sendiri. Maka beliau mencadangkan agar bentuk pengajaran lebih menekankan aspek input isi daripada strategi mengarang.

Ali Mahmood (2007), menyatakan bahawa kemahiran menulis adalah merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat serta mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan

pengalaman peribadi yang dialami. Senario ini menyebabkan para guru berusaha menyediakan strategi-strategi yang berkesan bagi menangani masalah ini demi meningkatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan Bahasa Malaysia, penulisan khususnya dan memartabatkan Bahasa Malaysia, umumnya. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia, banyak masalah yang dihadapi oleh murid dalam menguasai apa yang dipelajari yang seringkali menjadi cabaran bagi semua guru. Masalah yang dikenal pasti ialah kelemahan murid dalam mencari isi untuk penulisan karangan. Bagi tujuan ini, seseorang guru haruslah berusaha untuk merangsang, membimbing, mengasah dan mengukuhkan keupayaan murid supaya dapat menghasilkan satu penulisan yang benar-benar berkualiti dan bermanfaat.

Kajian Luar Negara

Mengikut Jos. Daniel Parera (1987:17) menyatakan bahawa pendekatan merupakan satu aksioma, iaitu sesuatu yang baku dan tidak lagi dibantah akan kebenarannya. Menurut Abdullah Hassan (1987:412) pendekatan merupakan satu kumpulan prinsip atau andaian yang berkaitan dengan bahasa, pengajaran dan pembelajaran bahasa. Sesuatu pendekatan itu harus mencerminkan pandangan mengenai apa sebenarnya bahasa itu, cara bahasa itu diperolehi, bagaimana bahasa itu dilahirkan serta perkara-perkara yang mengawal bahasa itu.

Terdapat beberapa kajian mengenai Pendekatan Proses. Kajian mengenai Pendekatan Proses kebanyakannya telah dilakukan ke atas kajian berkenaan sikap guru dan pelajar terhadap pendekatan ini. Erdman (1988:51), misalnya telah mengkaji sikap pelajar terhadap Pendekatan Proses untuk mengajar penulisan kreatif dan sajak. Beliau telah melakukan kajian terhadap dua buah kelas gred dua dan dua buah kelas gred lima dan menilai kesannya terhadap pelajar. Hasil kajian beliau mendapati bahawa Pendekatan Proses lebih baik dalam kedua-dua gred untuk sajak manakala gred lima sahaja yang didapati lebih berkesan untuk bentuk penulisan kreatif.

Schwartz (1990:459), menerangkan bahawa Pendekatan Proses berperanan penting dalam penulisan karangan di mana pelajar dibantu untuk melalui proses merancang, membuat draf dan menyemak teks. Model ini menekankan interaksi antara guru dengan pelajar melalui aktiviti seperti perbincangan, menjadi model, kerjasama rakan sebaya dan berdialog mengenai teks. Kajian-kajian ini didapati telah menyokong Pendekatan Proses. Mengapakah Pendekatan Proses penting dan apakah faedah-faedahnya ke atas pengajaran penulisan?

Berkenaan dengan Pendekatan Proses, Keh (1990:10), telah menerangkan bagaimana beliau telah mencorakkan dan mengajar kursus menulis dengan menggunakan pendekatan proses. Pendekatan ini menggunakan input. Input bermaksud aktiviti untuk mengeluarkan idea dalam aktiviti pra penulisan seperti sumbangsaran, membaca dan mendengar, membuat tinjauan pendapat, mengkaji, bacaan cepat, perbahasan, mendengar kaset, membaca nota kuliah dan mendengar syarahan.

Peringkat menulis draf pertama dijalankan di luar kelas dan pelajar diberitahu bahawa draf pertama tidak semestinya sempurna. Semasa penilaian rakan sebaya pelajar-pelajar boleh dipecahkan secara berasingan atau bertiga dan diberikan panduan satu senarai semak untuk membuat komen ke atas isi kandungan sahaja. Contohnya apakah idea utama dalam perenggan atau apakah idea utama penulis?

Dalam peringkat menulis draf kedua, pelajar digalakkan membuat perubahan pada kandungan karangan. Dalam bengkel menulis, guru mengajarkan karangan kepada pelajar seperti memberi definisi atau membuat koherensi, melihat draf kedua dan membaca tiap-tiap draf sebanyak tiga kali. Bacaan pertama untuk mendapatkan idea keseluruhan. Bacaan kedua untuk memberi komen dan cadangan dan bacaan ketiga untuk menandakan kesalahan mereka. Sesi perbincangan guru murid adalah sesi di mana guru meminta murid memberitahu isi utama dalam karangan mereka. Dalam sesi ini, kelemahan tatabahasa dan cara membaiknya juga dimasukkan selepas perbincangan isi kandungan. Draf akhir dihantar bersama-sama dengan semua nota dan lampiran.

Dalam pengajaran beliau selama enam minggu, beliau mendapati pendekatan ini sangat berfaedah kepada pelajar. Ia dapat membaiki isi, penyusunan paragraf dan tatabahasa di samping meningkatkan sikap pelajar terhadap penulisan kepada lebih positif dan mengurangkan rasa kecewa dalam penulisan karangan. Ia juga didapati dapat meningkatkan interaksi antara pelajar dengan guru melalui proses menulis dan sesi di antara draf, pengajaran individu ke atas isi, penyusunan paragraf dan pemilihan perkataan. Satu lagi pendekatan baharu dalam kemahiran menulis ialah Pendekatan ‘*Conference*’ (Turbill, Jan, 1982). Seorang pakar pendidikan di Amerika iaitu Profesor Donald H. Graves telah menjalankan kajian ke atas pendekatan ini. Pendekatan ini terus membawa kanak-kanak ke alam penulisan dan mula mengarang secara bebas. Prinsip pendekatan ini, menulis adalah proses yang memerlukan banyak langkah dan merupakan satu kraf. Hasil kajian beliau, beliau mendapati bahawa kanak-kanak didapati amat berminat untuk menulis tanpa menunggu arahan daripada guru.

Sikap dan minat yang berubah ini berlaku dalam tempoh yang singkat. Kajian juga dijalankan ke atas 27 orang guru sekolah rendah di tiga buah sekolah di Australia. Hasilnya didapati kemajuan yang dicapai oleh kanak-kanak dalam bidang penulisan amat menggalakkan. Seterusnya pendekatan ini diperkenalkan kepada guru-guru lain. Pendekatan ini juga didapati mendapat sambutan yang menggalakkan daripada guru-guru. Ia kemudiannya diperkenalkan dan diamalkan di sekolah-sekolah di Australia.

Teori Behaviorisme (Skinner)

Perubahan Tingkah laku, peneguhan dan maklum balas. Sebagai contoh, guru menyediakan soalan-soalan dan latihan (latih-tubi) dan melatih murid menulis daripada latihan pratulisan sehingga peringkat mengarang.

Teori ini juga menekankan amalan dan sikap sebagai cara untuk mempelajari bahasa.

Berfahaman bahawa data-data bahasa dapat dikaji dan dilakukan latih tubi untuk menghasilkan keterampilan berbahasa. Mengkaji semua ayat atau ujaran dengan tujuan melihat ciri yang berbeza dalam berbahasa. Mengikut teori ini juga, kategori tatabahasa adalah berdasarkan struktur tiap-tiap aspek bahasa.

Teori Kognitif (Piaget)

Teori ini menekankan kemahiran pengekodan, menyimpan dan mengingat kembali. Contoh pembelajaran berdasarkan teori ini adalah seperti guru menggalakkkan dan memberi latihan menulis berdasarkan perkembangan mental dan kebolehan murid mengikut urutan atau objektif pembelajaran pada hari itu. Manusia mempunyai peringkat otak dan saraf yang tinggi, oleh sebab itu, berkebolehan mempelajari pelbagai perkara adalah proses mental bukan mekanis. Kanak-kanak menyerap dan menyesuaikan pengetahuan sedia ada dalam otaknya dengan data-data yang diperoleh daripada persekitaran.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian terdiri daripada borang Sistem Maklumat Murid (SMM), analisis keputusan akhir tahun (pada tahun 3), Modul Bijak Mengarang, kertas soalan ujian pra dan soalan ujian pasca. Soalan yang dikemukakan ialah soalan karangan berformat (Lampiran A). Selain itu, instrumen kajian juga menggunakan soalan temubual pengkaji dengan pelajar yang mengandungi lima soalan. Setiap persoalan kajian dimasukkan dalam soalan temu bual tersebut.

Penganalisisan Data Kajian

Data yang dikumpul dari instrumen kajian akan dianalisis dengan mencari markah dan min pencapaian pelajar dalam kedua-dua ujian. Selepas itu, pengkaji membuat perbandingan peratus min antara kedua-dua ujian pra dan pasca bagi kedua-dua kumpulan. Melalui perbandingan ini, dapatlah disimpulkan sama ada penggunaan modul sebagai bahan rangsangan berupaya membantu meningkatkan prestasi responden dalam penulisan atau sebaliknya.

Seterusnya data kajian dikutip daripada hasil temu bual yang dilakukan secara rawak kepada responden. Kutipan data dijangka dapat menjawab persoalan-persoalan kajian.

KESIMPULAN

Kesempurnaan sesuatu penyelidikan berkait rapat dengan kaedah penyelidikan dan kesahan kajian tersebut. Perkara ini akan diberi penekanan yang serius agar dapatkan kajian yang diperolehi itu tepat dan memuaskan hati. Oleh itu, adalah

menjadi tanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan ketepatan dalam menggunakan reka bentuk penyelidikan dengan sempurna, yang membolehkan beberapa keputusan diambil, memilih dan menjalankan kaedah kajian yang betul dan paling penting membuat penganalisaan data dengan jelas dan tepat. Jika segala prosedur dapat dilaksanakan dengan baik, kesahan penyelidikan akan dapat dicapai. Justeru, peringkat ini adalah penting dalam keseluruhan penyelidikan.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1987). *30 tahun Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim *et.al.* (1993). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu: Strategi Perancangan dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Marohaini Yusof. (1989). Aspek-aspek dalam pengajaran kemahiran menulis di peringkat menengah. dlm. *Perspektif-perspektif dalam Pengajaran Bahasa Malaysia* ed. Koh Boh Boon. hlm.179-192. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

